

Wacana Perubatan dalam Kelahiran AMANI dan Hubungannya dengan Kelahiran Berisiko Tinggi: Analisis Bidang Perubatan Obstetrik dan Ginekologi.
(Medical Discourse in Peaceful Birth and Its Relationship to High-Risk Birth: An Analysis of Obstetrics and Gynecology.)

Siti Noridayu Abd. Nasir¹, Hazlina Abdul Halim² dan Dr. Ahmad Shuib Yahaya³
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Malaysia,
Pakar Perubatan Hospital Gleneagles Johor.
noridayu87_nasir@yahoo.com, hazlina_ah@upm.edu.my & ahmadshuib@upm.edu.my

Article History:

Received : 30 Oktober 2024
Revised : 13 Disember 2024
Published : 31 Disember 2024
© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Nasir, S.N (2024). *Medical Discourse in Peaceful Birth and Its Relationship to High-Risk Birth: An Analysis of Obstetrics and Gynecology*

Abstrak:

Kelahiran AMANI (Assisting Mothers for Active Natural Instinctive Birth), merupakan kaedah kelahiran yang bersifat natural tanpa bantuan perubatan moden. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti laporan akhbar tentang kelahiran AMANI dan risiko semasa kelahiran bayi melalui analisis wacana. Seterusnya, kajian membincangkan hubungan antara kelahiran AMANI dan risiko kelahiran bayi. Kemudian, menghuraikan risiko semasa kelahiran bayi yang menyebabkan pentingnya justifikasi kelahiran di fasiliti perubatan moden. Pelaksanaan kajian ini dijalankan secara deskriptif melalui analisis teks kandungan tentang kelahiran AMANI dan risiko kelahiran bayi. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Brown & Yule 1983 melalui wacana teks kajian. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa wacana perubatan mempunyai kepentingan makna dalam aspek kelahiran AMANI yang boleh menyebabkan risiko dalam kelahiran yang mengalami masalah tidak terjangka. Malah, kecemasan yang berlaku semasa kelahiran mengakibatkan nyawa ibu serta anak dalam risiko kematian. Hal ini demikian kerana, kelahiran mempunyai risiko jika ibu mempunyai masalah keihatan atau berlaku di luar jangkaan semasa proses melahirkan. Antaranya, kedudukan bayi songsang, masalah pembukaan serviks yang tidak sepadan dengan bayi, bayi besar, bahu tersangkut dan pendarahan yang banyak semasa kelahiran. Sekali gus, menyebabkan pentingnya kelahiran bayi yang memerlukan bantuan dalam perubatan moden dilakukan oleh setiap kelahiran kerana dapat mengurangkan risiko kematian

melalui bantuan peralatan canggih, kepakaran bidang perbidanan dan sakit puan serta fasiliti perubatan yang sesuai dengan peredaran masa. Selain itu, peuntukan perundangan juga mewajibkan bayi dilahirkan di fasiliti perubatan moden seperti hospital bagi mengelakkan risiko kematian. Tamsilnya, kajian ini memberikan manfaat kepada bakal ibu bapa, pengamal perubatan bertauliah dan penyelidik dalam bidang berkaitan untuk dijadikan rujukan.

Kata kunci: *kelahiran AMANI, kelahiran berisiko tinggi, wacana perubatan*

Abstract

AMANI birth or Assisting Mothers for Active Natural Instinctive Birth, is a natural birth method without helps of modern medicine. Therefore, this study was carried out to identify newspaper report about AMANI birth and risk during childbirth through discourse analysis. Next, the study discusses the relationship between AMANI birth and birth baby risk. Then, an elaborate the risks during the birth of a baby which makes it important to justify the birth in a modern medical facility. The implementation of this study is carried out descriptively through content text analysis about AMANI birth and the risk of childbirth. In addition, this study applies the Theory of Brown & Yule 1983 through the discourse of the study text. The results of the study showed that medical discourse has an important meaning in the aspect of AMANI birth that can cause risks in births that experience unexpected problems. In fact, the emergency that occurs during birth puts the life of the mother and child at risk of death. This is because, birth has risks if the mother has health problems or happens unexpectedly during the birthing process. Among them, breech presentation, cephalopelvic disproportion (CPD), large for gestational age, shoulder dystocia and postpartum hemorrhage. All at once, causing the importance of the birth of a baby who needs help in modern medicine is done by every birth because it can reduce the risk of death through the help pf advanced equipment, expertise in the field of midwifery and gynecology as well as medical facilities that suit the passage of time. In addition, legal provisions also require babies to be born in modern medical facilities such as hospitals to avoid the risk of death. In fact, this study provides benefits to prospective parents, certified medical practitioners, and researchers in related fields for reference.

Keywords: *AMANI birth, high-risk birth, medical discourse*

1.0. PENGENALAN

Proses kelahiran merupakan saat genting yang perlu dilalui seseorang wanita dengan risiko yang tidak dapat dijangkakan ketika bayi sedang dilahirkan. Oleh yang demikian, kelahiran lebih selamat jika seseorang wanita yang bakal melahirkan anak berada di hospital. Malah, pihak Kementerian Kesihatan di Malaysia sentiasa menitikberatkan kebajikan masyarakat setempat dengan menyediakan klinik yang berdekatan. Termasuklah klinik desa yang dibina di kawasan kampung juga pedalaman. Hal ini bertujuan bagi memudahkan pemantauan kesihatan ibu-ibu mengandung sentiasa terjaga. Pebrina Manurunga dan Helda (2020) mencadangkan supaya ibu hamil sentiasa menjalankan pemeriksaan berkala oleh bidan atau doktor agar dapat mengesan serta mencegah jika berlaku sebarang kelainan atau komplikasi pertumbuhan janin dalam kandungan.

Lazimnya, apabila seseorang wanita disahkan hamil oleh pengamal perubatan bertauliah maka mereka akan diberikan Buku Merah sebagai catatan untuk kesihatan bagi ibu dan anak di dalam kandungan. Pemantauan kesihatan secara berterusan oleh pengamal perubatan bertujuan mengawasi kesihatan ibu-ibu yang mempunyai pelbagai risiko penyakit ketika kehamilan. Malah, jika berlaku masalah ketika kehamilan contohnya seperti mendapat tekanan darah tinggi yang kritikal maka ibu tersebut akan dirujuk kepada hospital besar untuk mendapat rawatan pakar. Pebrina Manurunga dan Helda (2020) menjelaskan bahawa ubat yang sesuai perlu diambil untuk mengurangkan komplikasi seperti anemia yang boleh memberikan kesan kepada kehamilan dengan memberikan kaunseling dalam kesihatan supaya tidak membahayakan kandungan untuk risiko kelahiran bayi dengan berat badan yang rendah semasa lahir.

Oleh itu, fungsi pengamal perubatan bertauliah di klinik dan hospital begitu penting untuk memastikan kesihatan ibu dan bayi dalam kandungan terjaga. Walau bagaimanapun, dewasa ini dalam zaman serba moden kes kelahiran di rumah masih lagi berlaku di Malaysia. Walaupun terdapat perundangan supaya proses kelahiran hanya berlaku di fasiliti kesihatan tetapi masih lagi wujud kes terpencil yang tidak mengikut garis panduan undang-undang. Fenomena ini membimbangkan kerana kelahiran memerlukan penjagaan yang rapi untuk menyelamatkan nyawa ibu dan anak. Wahyu Aprilia (2020) menjelaskan bahawa penyakit dan keadaan ibu semasa kehamilan boleh mengakibatkan jangkitan, kelainan dan kerosakan selama proses kehamilan yang mengakibatkan bayi lahir kurang sempurna. Wahyu Aprilia (2020) menambah lagi beberapa penyakit yang dapat mempengaruhi janin, di antaranya, *chicken pox*, *rubella*, *sifilis*, *herpes* alat kelamin, dan AIDS juga faktor usia ibu hamil.

Hal ini demikian kerana, kelahiran berisiko tinggi memerlukan pengawasan daripada pengamal perubatan bertauliah yang berpengalaman dalam bidang perbidanan dan sakit puan. Malah, kegagalan mematuhi arahan doktor boleh memberikan impak buruk kepada ibu hamil dan bayi. Menurut Rafidah Hanim Mokhtar (2018) menjelaskan terdapat kes pendarahan selepas bersalin akibat uri tidak keluar dan ini memerlukan pemindahan darah, kes tali pusat melilit leher bayi menyebabkan bayi sukar bernafas dan memerlukan alat bantu pernafasan *Ventilator*. Rafidah Hanim Mokhtar (2018) menambah lagi, ada

juga kes kelahiran yang memakan masa terlalu lama sehingga bayi terpaksa dikeluarkan secara pembedahan *Caesarean* dan semua kes ini hanya boleh dikendalikan di hospital

Tamsilnya, melalui masalah dalam kelahiran yang terjadi maka perlunya pemahaman yang jelas berkaitan isu kelahiran AMANI dan risiko semasa kelahiran bayi dibincangkan. Oleh yang demikian, perbincangan ini memberikan fokus dalam aspek wacana melalui laporan akhbar dengan menganalisis kandungan teks laporan. Siti Suriani Othman *et. al.*, (2015) menjelaskan bahawa nilai berita yang disebutkan antaranya ialah menarik, dekat dengan pembaca, memberi pengajaran dan unik. Siti Suriani Othman *et. al.*, (2015) menambah lagi didapati nilai berita ‘memberi pengajaran’ tidak disenaraikan dalam nilai berita hasil kajian akhbar barat. Oleh itu, peranan akhbar adalah penting sebagai medium penyampaian maklumat yang penting serta berimpak kepada masyarakat.

2.0. LITERATURE REVIEW

Penyelidikan yang dijalankan memerlukan rujukan dalam kajian lepas kepada pengkaji untuk mendapatkan idea dan ruang kajian. Oleh itu, kajian lepas akan diulas untuk melihat dapatan kajian dan mengisi lompong kajian yang boleh menyempurnakan kertas kajian ini dengan lebih baik. Oleh yang demikian, kajian lepas berkaitan kelahiran amani, risiko semasa kelahiran bayi, wacana dalam kandungan teks dan Teori Brown & Yule 1983 dianalisis dengan melihat daripada aspek objektif kajian, metodologi kajian dan dapatan kajian.

1) Kelahiran AMANI (*Assisting Mothers for Active Natural Instinctive Birth*)

Nur Amani Natasha Ahmad Tajuddin *et.al.*, (2020) menjalankan kajian tentang wanita di Malaysia yang memilih kelahiran tidak selamat di rumah melalui penyelidikan kualitatif. Kajian dijalankan bagi mengenal pasti amalan bersalin di rumah tanpa bantuan pengamal perubatan di Malaysia. Malah, kajian meneliti punca yang menyebabkan wanita di Malaysia memilih untuk bersalin di rumah. Seramai 12 orang subjek kajian yang terdiri daripada wanita yang menetap di Malaysia terlibat untuk proses dapatan kajian ini. Oleh yang demikian, keputusan kajian memperlihatkan bahawa subjek mempunyai alasan peribadi untuk memilih melahirkan bayi di rumah mereka. Hal ini kerana, terdapat empat alasan oleh subjek. Antaranya, adalah pengalaman bersalin sebelumnya, kelahiran secara semula jadi, menyatakan automoni dan kepercayaan untuk melahirkan bayi di rumah. Selain itu, subjek bertegas untuk melahirkan bayi di rumah tanpa bantuan perubatan moden walaupun mengetahui tentang kemungkinan risiko dan komplikasi yang mungkin terjadi.

2) Nur Kamilah Kamaruddin *et.al.*, (2018) menjalankan kajian tentang polimek dalam amalan *lotus birth* dari perspektif hukum Islam. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti polimek dalam kelahiran AMANI melalui pandangan hukum Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam Islam, hukum *lotus birth* adalah haram kerana *lotus birth* tidak memberikan kebaikan dan memberikan risiko kepada ibu serta bayi. Selain itu,

ulama berpandangan bahawa hukum memotong tali pusat bayi selepas dilahirkan adalah wajib tetapi amalan *lotus birth* adalah bertentangan dengan hukum Islam. Kemudian, *lotus birth* membawa elemen mafsadah yang mendominasi amalan ini dan boleh memudaratkan bayi yang dilahirkan. Seterusnya, kelahiran *lotus birth* tanpa pemantauan daripada doktor dan anggota kesihatan terlatih boleh membawa kemudaratan kepada ibu dan bayi. Selanjutnya, memelihara nyawa dan menjauhi kemudaratan adalah sesuatu amalan wajib dilaksanakan dalam Islam. Oleh yang demikian, dalam Islam amalan *lotus birth* perlu ditinggalkan oleh ibu bapa kerana bertentangan dengan syariat Islam.

3) Kamilah Kamaruddin *et.al*, (2017) menjalankan kajian tentang amalan *lotus birth* dalam pandangan serta perspektif hukum Islam. Tujuan kajian dilaksanakan bagi melihat amalan kelahiran AMANI dari sudut pandang hukum Islam dan perubatan moden. Amalan membiarkan tali pusat tertanggal secara alami mengambil masa antara tiga hingga sepuluh hari adalah dikaitkan dengan budaya Yahudi, Kristian, Hindu dan Buddha. Keputusan kajian memperlihatkan tidak ada kajian akademik yang menunjukkan bahawa *lotus birth* tidak mempunyai kebaikan sebaliknya terdedah kepada risiko yang berbahaya kepada bayi. Malah, mengikut hukum Islam pula *lotus birth* tidak mempunyai sebarang hukum dan dalil tetapi terdedah kepada tasyabbuh yang menjadi amalan kepada orang bukan Islam. Oleh yang demikian, amalan *lotus birth* tidak mempunyai kebaikan dari sudut hukum agama Islam mahupun perubatan moden.

Risiko Semasa Kelahiran Bayi

1) Ana Paula Esteves-Pereira *et.al*, (2016) menjalankan kajian ilmiah tentang kelahiran secara pembedahan dan kematian ibu selepas bersalin. Kajian ini berdasarkan kajian kes yang melibatkan lapan negara di Brazil. Fokus utama kajian ini adalah melihat sejauh mana kadar kematian ibu yang melahirkan anak melalui kaedah pembedahan berbanding kaedah kelahiran secara normal. Kajian tinjauan ini melibatkan 9,221 wanita selepas bersalin di Brazil. Hasil dapatan kajian menunjukkan risiko kematian ibu lebih tinggi apabila menjalani pembedahan berbanding kelahiran secara normal. Hal ini kerana, risiko pendarahan dan kesan bius (*anesthesia*) merupakan penyumbang utama terhadap kematian di Brazil. Oleh yang demikian, doktor dan pesakit perlu mempertimbangkan buruk dan baik untuk menjalankan prosedur pembedahan.

2) Mino Rajaei *et.al*, (2014) menjalankan kajian tentang keselamatan dan keberkesanan penggunaan *misoprostol* dan *oxytocin* untuk mencegah pendarahan selepas bersalin. Pendarahan ketika bersalin merupakan antara tiga punca kematian utama kepada wanita di dunia. Lazimnya, kehilangan darah berlaku antara 500ml bagi kelahiran normal dan 1000ml bagi pembedahan. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada keberkesanan dan keselamatan *oral misoprostol* dan *oxytocin intraveba* dalam mencegah pendarahan selepas bersalin (PPH). Kajian ini dijalankan di Hospital Shariati, Bandar Abbas di Iran yang merupakan satu-satunya hospital bagi pendidikan untuk bidang perbidanan dan sakit puan. Hasil kajian mendapati penggunaan *misoprostol* lebih berkesan bagi mengurangkan jumlah pendarahan ketika bersalin. Di samping itu, kos *misoprostol*

adalah lebih efektif dan mudah. Terutamanya, apabila bekalan *oxytocin* tidak disediakan di sesebuah hospital.

3)Janice M. Anderson dan Duncan Etches (2007) menjalankan kajian tentang pencegahan dan pengurusan pendarahan yang berlaku selepas bersalin. Kehilangan darah sekitar 500ml meningkat sebanyak 18% di negara maju. Walaupun terdapat cara pencegahan dan rawatan tetapi kes kehilangan darah selepas bersalin tidak dapat dielakkan. Hasil dapatan kajian menunjukkan kehilangan darah sekitar 1000ml atau kehilangan darah yang teruk memerlukan rawatan kecemasan segera, iaitu *hysterectomy* sebagai ikhtiar akhir. Antara rawatan rahim (*uterus-conerving*) bagi mengekalkan kesuburan di masa depan adalah proedur *tamponade*, *uterus B-lynch*, *ligation arteri* dan arteri rahim embolisasi.

Wacana dalam Kandungan Teks

1)Farzana Adnan dan Suziana Mad Saad (2020) menjalankan kajian berkaitan analisis dalam wacana kritis melibatkan bahasa dan kuasa dalam kepimpinan serta pemuafakatan. Kajian dilaksanakan dengan tujuan melihat bahasa sebagai komunikasi serta pengaruh yang wujud. Selain itu, meneliti bagaimana wacana ucapan menjadi penghubung kepada dua buah parti politik antara PAS dan UMNO dalam pembentukan pemuafakatan parti. Oleh itu, data kajian adalah ucapan daripada Presiden Parti UMNO Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan oleh Presiden Parti PAS iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang semasa berlangsungnya Himpunan Penyatuan Ummah UMNO-PAS. Keputusan kajian menunjukkan terdapat ciri tekstual penekanan dan pemerhatian dalam proses leksikal yang tersurat juga tersirat dalam ucapan dua orang pemimpin tersebut.

2)Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid (2015) menjalankan kajian tentang strategi wacana dalam komunikasi teks Tengku Razaleigh Hamzah dengan menganalisis daripada aspek bahasa. Kajian membincangkan tentang wacana dalam komunikasi teks ucapan oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Oleh itu, sebanyak 34 perenggan serta 101 ayat yang mempunyai keistimewaan dijadikan data kajian ini melalui proses analisis wacana kritis. Keputusan kajian menunjukkan bahawa wacana yang diaplikasikan dalam ucapan adalah bagi menarik perhatian masyarakat, berhujah untuk meyakinkan rakyat tentang kepimpinan dalam parti. Malah, penyelidik menjelaskan bahawa wacana ini adalah wacana berbentuk kepimpinan dan bahasa yang menjadi pelengkap dalam sesebuah ucapan. Hal ini demikian kerana, seseorang ahli politik perlu bijak dan terampil untuk menyampaikan sesuatu ucapan politik.

3)Idris Aman *et.al*, (2014) menjalankan kajian tentang wacana dalam bidang sains dan teknologi. Kajian dijalankan bagi menganalisis strategi yang digunakan dalam wacana akademik melibatkan bidang sains dan teknologi melibatkan bahasa Melayu dalam penulisan jurnal berimpak tinggi di Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan bahawa dalam analisis tekstual terdapat jenis tema, jenis ayat, jenis penerang awal ayat, jenis proses klausa yang menjadi ciri wacana dalam bidang sains. Malah, kajian memperlihatkan bahawa wacana sains dan teknologi menerangkan tujuan dan isu dengan

memberikan sudut pandangan penerang awal ayat, parafrasa kaku, mengembleng frasa dan mengutamakan kata lakuan dalam ayat yang digarap dan menggunakan tema ayat yang luar biasa.

Teori Brown & Yule 1983

1) Siti Noridayu Abd.Nasir dan Hazlina Abdul Halim (2022) menjalankan kajian tentang ujaran lisan oleh wanita di Kelantan dalam perniagaan tekstil di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu. Tujuan kajian dijalankan bagi melihat sejauh mana interaksi ujaran yang berlaku antara peniaga wanita untuk jualan produk tekstil dengan pelanggan di Pasar Besar Siti Khadijah. Malah, kajian bertujuan mengenal pasti tujuan penggunaan dialek Kelantan dan membincangkan produk tekstil yang menjadi pilihan di pasar tersebut. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Brown & Yule 1983 bagi proses analisis data kajian hasil ujaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa berlakunya wacana pemujukan dalam jualan dengan menggunakan dialek asli Kelantan bagi menarik perhatian pelanggan. Hal ini demikian kerana, persaingan dalam jualan tekstil begitu sengit kerana pelbagai produk yang sama dijual di aras yang sama. Oleh itu, praandaian yang wujud adalah aspek penegasan harga jualan dengan cara memujuk pelanggan yang lalu-lalang serta singgah lot kedai masing-masing.

2) Normaliza Abd Rahim *et.al*, (2016) menjalankan kajian tentang wacana dalam cerita rakyat Melayu dalam kalangan pelajar di Korea. Kajian dilaksanakan bagi memberikan fokus kepada pandangan pelajar di Korea terhadap cerita rakyat Melayu. Oleh itu kajian mengenal pasti hasil perbincangan pelajar tentang cerita rakyat Melayu. Seramai 20 orang subjek kajian dari Hankuk University of Foreign Studies Korea telah dipilih menyertai kajian ini. Sebanyak tiga buah buku cerita rakyat Melayu dijadikan item kajian bagi menguji kefahaman subjek terhadap cerita tersebut. Malah, kajian ini mengaplikasikan Teori Brown & Yule 1983 untuk analisis perbualan subjek kajian. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa perbincangan berlaku dengan mengaplikasikan ujaran dalam bentuk inferens, rujukan, implikasi dan andaian.

3) Nurfarhana Shahira Rosly *et.al*, (2016) menjalankan kajian berkaitan interaksi ujaran kanak-kanak melalui elemen digital dalam penceritaan. Kajian dijalankan dengan tujuan membicarakan tentang interaksi dalam ujaran kanak-kanak melalui kaedah digital. Kajian ini juga mengaplikasikan Teori Brown & Yule 1983 untuk analisis data kajian dalam bentuk ujaran ini. Subjek kajian terdiri daripada tiga orang kanak-kanak sekolah rendah berusia tujuh tahun daripada Sekolah Rendah Kebangsaan Sri Serdang, Selangor. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak memberikan fokus pada kaedah belajar yang menggunakan teknologi berkomputer dengan menunjukkan keceriaan dan keaktifan. Malah, subjek dapat menghasilkan ujaran dengan lebih baik dan melalui kaedah digital. Oleh yang demikian, ujaran yang lebih memberangsangkan dapat dilihat melalui aplikasi teknologi komputer yang memaparkan penceritaan kanak-kanak.

Tamsilnya, kajian yang dijalankan oleh Nur Amani Natasha Ahmad Tajuddin *et.al*, (2020), Nur Kamilah Kamaruddin *et.al*, (2018) dan Nur Kamilah Kamaruddin *et.al*,

(2017) tentang kelahiran AMANI (*Assisting Mothers for Active Natural Instinctive Birth*) adalah signifikan dalam mengkaji tentang kelahiran AMANI yang terjadi dalam kalangan masyarakat dewasa ini. Selanjutnya, kajian Ana Paula Esteves-Pereira *et.al.*, (2016), Minoo Rajaei *et.al.*, (2014) dan Janice M. Anderson dan Duncan Etches (2007) tentang kelahiran berisiko tinggi signifikan dalam kajian ini untuk melihat risiko dalam kelahiran bayi yang boleh memberikan impak terhadap nyawa ibu serta bayi. Selepas itu, kajian oleh Farzana Adnan dan Suziana Mad Saad (2020), Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid (2015) dan Idris Aman *et.al.*, (2014) signifikan dengan kajian ini yang menggunakan alat kajian melalui teks laporan berita sebagai item penyelidikan. Kemudian akhir sekali, kajian oleh Siti Noridayu Abd.Nasir dan Hazlina Abdul Halim (2022), Normaliza Abd Rahim *et.al.*, (2016) dan Nurfarhana Shahira Rosly *et.al.*, (2016) signifikan dengan aplikasi teori wacana teks yang dipelopori oleh Brown & Yule 1983 dalam analisis data kajian ini.

3.0. METHODOLOGY

Rangka dalam pelaksanaan penyelidikan ini disediakan dalam metodologi kajian. Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) menjelaskan data kajian merupakan aset terpenting dalam sesebuah kajian. Bagi mendapatkan data kajian dengan baik dan sistematik maka pentingnya metodologi kajian yang tersusun. Oleh yang demikian, dalam bahagian ini terkandung kaedah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan teori kajian yang diaplikasikan untuk analisis data. Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) menyatakan lagi bahawa dalam bidang penyelidikan, terdapat dua jenis data yang wujud iaitu data primer dan data sekunder. Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) menambah lagi data sekunder pula adalah data yang telah diolah dan bukan terhasil daripada kajian lapangan. Data ini biasanya diperoleh melalui kajian kepustakaan. Kajian ini merupakan penyelidikan yang mendapatkan data melalui rujukan teks atau data dalam bentuk sekunder yang juga dikenali sebagai sumber kedua. Ang Kean Hua (2016) menjelaskan perancangan reka bentuk metodologi yang rapi akan mempercepatkan dan melancarkan proses mengutip data, menganalisis data, mengolah data, mempamerkan laporan dan menjadi perintis kepada penyelesaian masalah masyarakat.

Kaedah Kajian

Penyelidikan ini dilaksanakan menggunakan kaedah deskriptif yang meneliti secara mendalam teks kandungan laporan berita. Selain itu, kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kepustakaan. Oleh yang demikian, rujukan ilmiah dijalankan sepanjang kajian ini melalui rujukan buku ilmiah, artikel jurnal, kertas persidangan akademik, nota ilmiah, laporan berita akhbar dan bahan lain yang mempunyai keesahan dalam penulisan akademik. Mohamad Afandi Md Ismail *et.al.*, (2020) menjelaskan penulisan ilmiah menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada kajian kepustakaan yang merangkumi pelbagai bentuk bahan seperti artikel jurnal, akhbar, fatwa, kajian-kajian ilmiah, dan pelbagai lagi.

Persoalan Kajian

Kemudian, pelaksanaan kajian tentang analisis wacana perubatan dalam kelahiran AMANI dan kelahiran berisiko tinggi dijalankan melalui tiga persoalan kajian. Antaranya:

- i. Apakah laporan akhbar tentang kelahiran AMANI dan risiko semasa kelahiran bayi melalui analisis wacana.
- ii. Apakah hubungan antara kelahiran AMANI dan risiko kelahiran bayi.
- iii. Apakah risiko semasa kelahiran bayi yang menyebabkan pentingnya justifikasi kelahiran di fasiliti perubatan moden.

Objektif Kajian

Selanjutnya, pelaksanaan kajian tentang analisis wacana perubatan dalam kelahiran AMANI dan kelahiran berisiko tinggi dijalankan melalui tiga objektif kajian. Antaranya:

- i. Mengenal pasti laporan akhbar tentang kelahiran AMANI dan risiko semasa kelahiran bayi melalui analisis wacana.
- ii. Membincangkan hubungan antara kelahiran AMANI dan risiko kelahiran bayi.
- iii. Meghuraikan risiko semasa kelahiran bayi yang menyebabkan pentingnya justifikasi kelahiran di fasiliti perubatan moden.

Batasan Kajian

Selepas itu, kajian ini ditabatkan dengan lima aspek yang mempunyai justifikasi tertentu. Antaranya:

- i. Pertama, kajian dibataskan untuk mengkaji tentang bidang perubatan Obstetrik & Ginekologi sahaja dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, dalam bidang perubatan terdapat banyak pecahan kecil dalam bidang masing-masing melibatkan anatomi manusia.
- ii. Kedua, kajian dilimitasi untuk mengkaji pecahan kecil dalam bidang Obstetrik & Ginekologi tentang bayi dan kandungan (*fetal and maternal*). Hal ini kerana, dalam bidang Obstetrik & Ginekologi terdapat empat pecahan utama selain *fetal and maternal*. Oleh yang demikian, kajian ini tidak menyentuh bidang lain seperti kesuburan (*fertility*), kanser wanita (*gyneaconcology*) dan (*uroginekology*).
- iii. Ketiga, kajian memberikan fokus dalam laporan berita akhbar Metro *Online* sahaja. Oleh yang demikian, kenyataan tentang kelahiran AMANI dan risiko kelahiran dalam artikel selain akhbar ini tidak dianalisis. Hal ini demikian kerana, fokus kajian bagi praandaian untuk meneliti tiga kenyataan dalam artikel tersebut.
- iv. Keempat, kajian dibataskan kepada penulisan artikel akhbar dalam bahasa Melayu sahaja. Hal ini demikian kerana, isu berkaitan kelahiran AMANI dan risiko kelahiran juga ditulis dalam teks akhbar dalam bahasa Inggeris.

v. Kelima, limitasi kajian dijalankan bagi memberikan fokus terhadap aspek perubatan moden sahaja. Malah, perbincangan risiko kelahiran bayi memberikan penekanan dalam kes yang berlaku dalam perbuatan moden kini.

Kepentingan Kajian

Seterusnya, kajian ini mempunyai kepentingan kepada lima pihak dengan justifikasi keperluan masing-masing. Antaranya:

i. Pertama, kepentingan kepada pihak berwajib dalam penyediaan fasiliti kesihatan untuk proses kelahiran yang lebih baik dan mesra kepada ibu yang mengandung. Hal ini dapat menarik ibu mengandung agar terus dipercayai peranan pengamal perubatan bertauliah dan fasiliti perubatan moden yang lebih baik.

ii. Kedua, kajian ini penting kepada pengamal perubatan bertauliah seperti pakar perbidanan dan sakit puan, pegawai perubatan, doktor pelatih, bidan, jururawat dan pihak lain yang terlibat dengan fasiliti perubatan moden yang bertauliah. Kajian ini membolehkan pengamal perubatan bertauliah mengenal pasti fenomena kelahiran AMANI yang masih berlaku supaya individu lain dapat diselamatkan.

iii. Ketiga, kajian ini memberi kepentingan kepada pasangan bakal ibu bapa untuk memilih fasiliti perubatan moden yang sesuai bagi menyambut kelahiran bayi mereka. Malah, pentingnya bakal ibu bapa dipercayai kepakaran pengamal perubatan bertauliah dalam membantu menyambut kelahiran bayi.

iv. Keempat, kajian ini memberikan kepentingan kepada penulis artikel dalam media bercetak untuk menyampaikan kepentingan bakal ibu bapa mengikut peraturan fasiliti perubatan bertauliah dalam aspek kelahiran bayi. Hal ini demikian kerana, usaha mengikut peraturan pihak berwajib untuk menjalankan pemeriksaan berkala dapat mengurangkan risiko kematian ibu dan anak semasa proses kelahiran.

v. Kelima, kepentingan kajian ini adalah untuk membantu penyelidik akan datang dalam menjalankan kajian berkaitan kelahiran AMANI, risiko kelahiran bayi dan wacana teks untuk menjadikan kajian ini sebagai rujukan awal.

Teori Kajian

Teori Analisis Wacana Brown & Yule 1983

Kajian ini mengaplikasikan Teori Analisis Wacana Brown & Yule 1983 untuk menganalisis data teks kajian ini. Dalam teori ini terdapat empat elemen utama yang digunakan dalam proses analisis yang melibatkan bahasa sama ada dalam bentuk ujaran atau teks. Antaranya adalah elemen inferens, implikatur, praandaian dan rujukan. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan fokus untuk mengaplikasikan praandaian dalam analisis data kajian. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2020) menjelaskan bahawa praandaian pertama iaitu eksistensial membawa maksud kewujudan dan keberadaan sesuatu jati diri objek atau keadaan yang diungkapkan dengan kata yang mutlak. Pertama, praandaian eksistensial kata yang jelas bagi menunjukkan sesuatu perkara itu wujud dalam sesuatu ayat yang diujarkan atau ditulis. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2020) menyatakan praandaian faktif pula ialah perkara yang dapat dicetuskan melalui kenyataan yang disampaikan iaitu kata-kata yang

menunjukkan sesuatu fakta atau berita yang diyakini keberadaannya. Bagi praandaian faktif merujuk kepada pernyataan dalam teks laporan berita yang berlaku dan benar wujud. Kemudian, praandaian non-faktif adalah sesuatu yang benar dan telus dalam sesuatu ungkapan ayat dalam teks. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2020) menjelaskan lagi bahawa praandaian non-faktif, iaitu melibatkan sesuatu kata-kata yang tidak bersifat benar secara hakikinya. Selanjutnya, praandaian leksikal memberikan makna yang diaandaikan sebagai sesuatu yang difahami oleh khalayak lain hasil penyampaian oleh seseorang individu. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2020) menambah lagi, praandaian leksikal pula dapat ditafsirkan sebagai makna yang dinyatakan secara konvensional dan diandaikan dengan andaian bahawa suatu makna lain yang tidak dinyatakan dapat difahami oleh pendengar. Selanjutnya, praandaian jenis struktural adalah ayat yang ditanya menggunakan ayat *apa*, *bagaimana*, *bila*, *di mana*, *mengapa* dan sebagainya menggunakan ayat tanya. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2020) menjelaskan bahawa praandaian struktural yang mana dapat dilihat dalam ayat tanya yang menggunakan kata tanya seperti ‘bagaimana’, ‘apakah’, ‘adakah’ dan lain-lain. Manakala, praandaian yang keenam atau terakhir adalah kaunterfaktual yang memperlihatkan andaian yang tidak benar, bertentangan daripada sesuatu kenyataan yang betul. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2020) menjelaskan bahawa praandaian jenis kaunterfaktual ini membawa maksud sesuatu yang diandaikan tidak hanya salah, tetapi berlawanan dari kebenaran dengan kenyataan yang diberikan. Oleh yang demikian, perbincangan dalam analisis data berdasarkan enam jenis praandaian dalam Teori Brown & Yule 1983.

4. RESULTS

Bagi melengkapkan penyelidikan ini maka bahagian dapatan kajian ini membincangkan hasil penyelidikan melalui tiga objektif kajian yang digariskan dalam metodologi kajian. Penyelidikan ini bertitik tolak daripada kes kelahiran AMANI dan hubungannya dengan isu risiko kelahiran bayi yang boleh membawa maut jika berlaku sebarang komplikasi di luar jangkaan. Adelina Fitri *et.al*, (2017) menjelaskan bayi yang dilahirkan dengan jarak kelahiran kurang dari dua tahun memiliki risiko 1:94 kali untuk terjadinya kematian dibandingkan bayi dengan jarak kelahiran diatas sama dengan dua tahun. Malah, dalam prose kehamilan wanita terdapat pelbagai masalah yang hanya dapat dikesan oleh pakar Obstetrik & Ginekologi bertauliah melalui alat bantuan yang serba canggih. Antaranya seperi alat imbasan yang boleh mengesan kelainan pada janin yang dikandung. Selain itu, kandungan dengan jarak yang dekat dengan kelahiran lalu juga menimbulkan masalah pada kandungan kini. Adelina Fitri *et.al*, (2017) menambah lagi semakin dekat jarak kelahiran antara anak maka semakin tinggi risiko terjadinya komplikasi kehamilan dan persalinan. Oleh yang demikian, ruang kajian dalam masalah lepas memberikan lompang kajian untuk penyelidikan yang dijalankan ini.
Mengenal pasti laporan akhbar tentang kelahiran AMANI dan risiko semasa kelahiran bayi melalui analisis wacana.

Bagi menjawab objektif kajian pertama maka artikel melalui Harian Metro *Online* yang bertajuk *Alasan Guna Khidmat Doula* yang ditulis oleh Kalidevi Mogan Kumarappa, Asman Rusman, Mahaizura Abd. Malik dan Siti A'isyah Sukaimi dianalisis melalui tiga keratan kenyataan dalam teks akhbar atas talian ini. Selain itu, tiga kenyataan ini adalah dipetik daripada www.hmetro.com.my (Isnin, 12 Februari 2018). Oleh yang demikian, tiga petikan ini dianalisis melalui aplikasi praandaian dalam Teori Brown & Yule 1983. Peranan media massa sama ada akhbar bercetak atau atas talian memainkan peranan untuk menjadi penyampai maklumat kepada masyarakat. Nurerna Aida Abdul Rahman dan Hasmidar Hassan (2019) menjelaskan media massa merupakan salah satu saluran yang menyediakan pelbagai maklumat kepada masyarakat. Nurerna Aida Abdul Rahman dan Hasmidar Hassan (2019) menambah lagi media massa seperti surat khabar terbukti mempunyai pengaruh yang besar untuk mengubah persepsi masyarakat.

Berkongsi mengenai pengalamannya ketika mengendalikan sesi kumpulan sokongan untuk wanita yang mengalami trauma ketika melahirkan anak, Leena berkata, seorang wanita terbahit menjalani proses induce (mencetuskan kelahiran) ketika usia kandungannya masuk minggu ke-37 meskipun tidak ada tanda untuk bersalin dan doktor memujuknya supaya memberi persetujuan dengan memberitahu bayi sudah sedia untuk dilahirkan serta tidak perlu menunggu lagi.

(Petikan Kenyataan Pertama dalam Akhbar Metro *Online*.)

Dalam petikan pertama menunjukkan bahawa wujudnya praandaian dalam kenyataan teks ini. Oleh yang demikian, kenyataan memperlihatkan wujudnya praandaian jenis eksistensial kata yang memperjelaskan sesuatu perkara yang telah terjadi. Melalui kenyataan yang mana berlakunya pengalaman lalu hingga menimbulkan trauma untuk melahirkan bayi di fasiliti kesihatan bertauliah. Selain itu, dalam kenyataan pertama juga menunjukkan kewujudan praandaian faktif yang mencetuskan kenyataan yang disampaikan dalam bentuk lisan kepada teks berita tentang kejadian yang benar berlaku dalam kehidupan seseorang. Malah, melalui kejadian tersebut telah memberi ingatan kekal untuk tidak mengulangi kejadian seperti itu berlaku lagi. Dalam erti kata lain pengalaman yang memberikan pendidikan kepada seseorang untuk lebih beringat tentang kejadian kelahiran secara paksa yang pernah dialaminya. Oleh itu, dalam kenyataan pertama wujudnya praandaian eksistensial dan praandaian faktif.

"Bagaimanapun, sangkaan doktor itu silap apabila bayi terbahit belum lagi selesai proses pembesarannya di dalam rahim dan dilahirkan tanpa refleks menelan hinggakan bayi yang baru dilahirkan itu tidak boleh menelan susu dengan sempurna dan akhirnya maut tercekik susu," katanya.

(Petikan Kenyataan Kedua dalam Akhbar Metro *Online*.)

Selanjutnya, dalam kenyataan petikan kedua akhbar atas talian Metro berkaitan kelahiran AMANI menunjukkan wujudnya praandaian. Oleh itu, dalam kenyataan ini wujud praandaian eksistensial yang menjelaskan bahawa perkara itu wujud dan pernah terjadi dan dialami oleh individu tersebut. Malah, sebaliknya dalam kenyataan ini berlaku praandaian kaunferfaktual yang memperlihatkan sesuatu fakta yang disampaikan adalah berlawanan serta bertentangan dengan prinsip perubatan moden. Hal ini demikian kerana, kenyataan tersebut menjelaskan bahawa doktor telah membuat sangkaan tentang proses pembesaran bayi di dalam rahim ibu. Praandaian memperlihatkan telah wujud dalam kenyataan akhbar melalui penulisan teks ini.

“Bagaimanapun, saya tidak menolak ada pasangan yang memilih bersalin sendiri di rumah selepas mengikuti kelas persediaan untuk bersalin seperti saya sendiri apabila permintaan mendapatkan cara melahirkan anak yang lebih baik di hospital tidak dapat dipenuhi,” katanya.

(Petikan Kenyataan Ketiga dalam Akhbar Metro *Online*.)

Selepas itu, petikan ketiga dalam kenyataan akhbar Metro atas talian tentang kelahiran AMANI adalah huraian tentang praandaian dalam teori yang dikemukakan oleh Brown & Yule 1983. Oleh yang demikian, praandaian eksistensial menjelaskan bahawa kewujudan situasi yang terjadi secara realiti tentang kelahiran di rumah secara natural oleh ibu yang melahirkan anak. Kemudian, praandaian jenis kaunterfaktual wujud kerana kenyataan tersebut berlawanan daripada kebenaran yang berlaku dalam kehidupan moden. Hal ini demikian kerana, zaman moden kini kelahiran selamat di fasiliti kesihatan bertauliah oleh setiap ibu bapa. Kelahiran di hospital dapat mengurangkan risiko kadar kematian kerana peralatan yang canggih dapat membantu kelahiran yang lebih selamat.

Membincangkan hubungan antara kelahiran AMANI dan risiko kelahiran bayi.

Rentetan itu, objektif kajian kedua bertujuan memperincikan antara masalah kelahiran berisiko tinggi yang berlaku di Malaysia. Oleh yang demikian, proses kelahiran merupakan situasi yang tidak dapat dijangkakan berlaku. Malah, melibatkan pertaruhan melebihi daripada satu nyawa (ibu dan bayi). Menurut Rafidah Hanim Mokhtar (2018) bidang perbidanan, sama ada di Malaysia atau luar negara telah berjaya mengumpul banyak data berkenaan risiko melahirkan di rumah – risiko yang terpaksa dihadapi generasi nenek moyang kita.

Seterusnya, menurut Rafidah Hanim Mokhtar (2018) lagi terdapat kes pendarahan selepas bersalin akibat uri tidak keluar dan ini memerlukan pemindahan darah. Selain itu, menurut Rafidah Hanim Mokhtar (2018) juga ada kes tali pusat melilit leher bayi menyebabkan bayi sukar bernafas dan memerlukan alat bantu pernafasan (ventilator). Bagaimanapun, masih banyak lagi komplikasi yang mungkin berlaku ketika proses kelahiran yang memerlukan pembedahan segera.

Maka, prosedur pembedahan dan menyelamatkan nyawa hanya dapat dilakukan di hospital oleh pengamal perubatan yang bertauliah. Malahan, perlu melibatkan pegawai perubatan dan pakar perubatan dalam bidang perbidanan dan sakit puan yang bertugas. Peosedur ini dikenali sebagai Pengurusan Aktif Tahap Ketiga Kehamilan (AMTSL). Menurut, Rafidah Hanim Mokhtar (2018) prosedur-prosedur ini (AMTSL) melibatkan ubatan dan dibantu oleh manusia lain (dokter dan jururawat perbidanan) dan menggunakan mesin.

Selain itu, terdapat beberapa masalah dan komplikasi yang melibatkan ibu dan bayi sering berlaku semasa proses kehamilan di negara ini. Beberapa komplikasi tersebut memerlukan tindakan segera pengamal perubatan bertauliah yang bertugas ketika kelahiran. Malah, kelewatan tindakan membantu mempercepatkan proses kelahiran boleh membawa maut. Terdapat beberapa kemungkinan semasa proses kelahiran yang berisiko tinggi yang boleh menyebabkan kematian, iaitu:

i. Breech presentation (kedudukan songsang)

Breech presentation atau dikenali sebagai kedudukan songsang adalah kedudukan punggung bayi yang akan keluar terlebih dahulu melalui kelahiran normal sebaliknya kelahiran secara normal apabila kepala bayi akan keluar terlebih dahulu. Situasi ini boleh menyebabkan risiko kepada bayi. Kelahiran ini boleh dilakukan secara normal tetapi mempunyai teknik tertentu yang hanya biasa dilakukan oleh pengamal perubatan yang berpengalaman. Lazimnya, apabila kelahiran telah hampir maka imbasan (*scan*) dijalankan untuk memastikan kedudukan bayi. Jika kedudukan songsang dan berisiko maka doktor akan mencadangkan untuk menjalani prosedur *caesarean section* atau melalui pembedahan untuk menyelamatkan nyawa bayi.

ii. Cephalopelvic disproportion (CPD)

Cephalopelvic disproportion (CPD) merupakan situasi apabila bukaan pelvis ibu lebih kecil daripada diameter kepala bayi yang akan dilahirkan. Hal ini boleh menghalang kelahiran secara normal, iaitu melalui *vaginal delivery*. Walaupun, hal ini akan dipertimbangkan setelah pembukaan rahim ibu terbuka sepenuhnya tetapi tetap berisiko untuk kelahiran secara normal. Bagaimanapun, apabila berlaku *poor progress labour* maka doktor akan menilai keadaan dan risiko terlebih dahulu. Penggunaan alat bantu seperti forceps dan vakum tidak boleh digunakan jika bukaan rahim ibu tidak mencapai 10cm semasa proses kelahiran berlaku. Walaupun, ibu yang telah melahirkan ramai anak masih boleh dipertimbangkan untuk kelahiran normal tetapi doktor perlu memastikan sama ada selamat atau tidak proses kelahiran itu diteruskan. Oleh yang demikian, pembedahan merupakan jalan terbaik bagi menyelamatkan nyawa ibu dan bayi.

iii. Large for gestational age (bayi besar)

Large for gestational age merupakan kelahiran bayi yang besar daripada kelaziman. Bayi ini biasanya mempunyai berat 4kg ke atas dan dikenali juga sebagai *makrosomia*. Lazimnya, bayi yang dilahirkan antara 37 hingga 42 minggu mempunyai berat normal bermula 2.5kg sehingga 4kg sahaja. Hal ini berpunca daripada tabiat pemakanan ibu ketika hamil yang tidak seimbang menyebabkan berat bayi dalam kandungan melebihi daripada berat normal. Malahan, bayi besar ini disebabkan oleh faktor genetik ibu bapa

yang berlebihan berat badan. Walaupun, di negara Arab berat bayi 5kg adalah normal tetapi berbeza di Malaysia yang bergantung kepada saiz badan penduduk Asia. Selain itu, punca bayi besar juga berpunca daripada ibu yang menghidap diabetis jenis 2 yang lazimnya memerlukan suntikan insulin ketika kehamilan. Pemantauan doktor begitu penting bagi kandungan ibu yang melibatkan penyakit kronik seperti penghidap diabetis jenis 2 ini. Proses kelahiran bagi bayi besar yang disarankan pengamal perubatan adalah melalui pembedahan untuk keselamatan yang hanya boleh dilakukan di hospital. Walaupun, kaedah seperti forcep dan vakum boleh dilakukan tetapi boleh memberikan kesan koyakan yang teruk terhadap vagina ibu.

iv. *Shoulder dystocia (bahu tersangkut)*

Shoulder dystocia atau masalah bahu bayi yang tersangkut ketika kelahiran boleh membawa maut. Hal ini kerana, saiz bayi yang mempunyai berat 4kg ke atas berisiko terjadi semasa kelahiran. Selain itu, punca bahu bayi tersangkut kerana sejarah kelahiran terdahulu dengan masalah yang sama (bahu tersangkut), berat badan ibu yang berlebihan, ibu menghidap penyakit diabetis, kelahiran yang dipaksa (*induced labour*) dan kelahiran yang mengambil masa lama (*prolonged labour*). Lazimnya, pengamal perubatan akan memberikan pilihan untuk ibu melahirkan bayi lebih awal (*induction of labour*) atau menjalani pembedahan semasa melahirkan bayi. Kejadian *shoulder dystocia* semasa kelahiran merupakan kes kecemasan yang memerlukan bantuan juga perhatian oleh pakar perbidanan dan sakit puan di hospital.

v. *Postpartum haemorrhage (pendarahan)*

Postpartum haemorrhage merupakan pendarahan yang berlaku selepas proses kelahiran. Pendarahan di luar jangkaan mungkin berlaku selepas kelahiran yang dikenali sebagai *hematoma*. Ia merupakan penggumpalan darah atau darah beku di bahagian vulva (bahagian paling luar sistem pembiakan wanita). Hal ini berlaku kesan daripada proses *episiotomi* yang dilakukan di bahagian perineum wanita semasa proses kelahiran. Bagaimanapun, proses *episiotomi* dilakukan untuk meningkatkan bukaan vagina semasa proses kelahiran. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya *hematoma vulva* akibat penggunaan forcep yang lebih berisiko mengalami pendarahan teruk.

vi. *Poor spacing (jarak kelahiran dekat)*

Kelahiran bayi seterusnya dengan jarak kehamilan dekat boleh menyebabkan berlakunya komplikasi terhadap ibu yang mengandung. Malah, kelahiran selepas melahirkan bayi sebelumnya dengan jarak yang dekat dengan kelahiran secara pembedahan mengakibatkan risiko kehilangan nyawa ibu yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, pemantauan daripada pakar Obstetrik & Ginekologi untuk menjelaskan baik dan buruk terhadap risiko kehamilan. Bambang Eko Cahyono (2022) menjelaskan jarak kelahiran ibu adalah sebahagian daripada penentu kesihatan dalam kelahiran bayi. Bambang Eko Cahyono (2022) menambah lagi jarak kelahiran mempengaruhi keadaan ibu dan bayi. Oleh itu, jarak kehamilan antara aspek penjagaan yang perlu diteliti sebelum mengambil keputusan untuk kehamilan seterusnya. Bambang Eko Cahyono (2022) menyatakan bahawa jarak kehamilan selamat antara 24 hingga 60 bukan dan semakin jauh jarak kehamilan maka risiko pada kesihatan ibu serta anak dapat dikurangkan.

Oleh yang demikian, enam contoh masalah dalam kelahiran menunjukkan pentingnya peranan pengamal perubatan bertauliah di hospital. Hal ini bagi mengurangkan kadar kelahiran yang berisiko tinggi di Malaysia. Malahan, bertujuan menyelamatkan nyawa ibu dan bayi semasa proses kelahiran. Peralatan untuk proses *caesarean section*, *forcep* dan *vakum* hanya terdapat di hospital. Selain itu, proses kecemasan ini hanya boleh dilakukan oleh pengamal perubatan bertauliah yang berpengalaman. Maka, individu yang mengambil keputusan melahirkan bayi secara *homebirth* dikategorikan sebagai kelahiran tidak selamat di Malaysia. Hal ini kerana, situasi kelahiran bayi sama ada mudah atau sukar adalah perkara yang tidak boleh dijangkakan. Malahan, kes kecemasan ketika kelahiran memerlukan bantuan segera dan peralatan yang canggih untuk menyelamatkan nyawa.

Meghuraikan risiko semasa kelahiran bayi yang menyebabkan pentingnya justifikasi kelahiran di fasiliti perubatan moden.

Memandangkan, kemudahan pada masa dahulu tidak seperti hari ini yang jauh lebih baik dalam pelbagai aspek. Terutamanya, hal yang melibatkan perubatan dan kesihatan manusia. Mengikut undang-undang, Akta Bidan 1966 [Akta 436] menyatakan iaitu selain doktor, hanya anggota kesihatan terlatih dalam bidang perbidanan dan berdaftar dengan Lembaga Bidan Malaysia sahaja yang boleh mengendalikan kelahiran. Oleh yang demikian, merujuk kepada tugas pengamal perubatan bertauliah seperti pakar perubatan dalam bidang Obstetrik & Ginekologi, pegawai perubatan, doktor pelatih, jururawat serta bidan terlatih di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kawalan melalui undang-undang di Malaysia telah memperuntukkan bahawa kelahiran hanya boleh berlaku di fasiliti perubatan yang sah seperti hospital kerajaan atau hospital swasta. Tindakan ini bagi mengurangkan risiko kematian yang mungkin berlaku di luar jangkaan. Hal ini demikian kerana, kelahiran tidak selamat, *homebirth* dan *AMANI birth* boleh dikenakan tindakan undang-undang jika didapati bersalah. Mengikut subseksyen 14(1) Akta 436 memperuntukkan mana-mana individu yang mengamalkan amalan perbidanan tanpa pendaftaran mengikut akta itu adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih RM2,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-dua sekalu jika disabitkan kesalahan.

5.CONCLUSION

Kesimpulannya, praandaian dalam wacana perubatan melibatkan kelahiran AMANI memperlihatkan kewujudan praandaian tentang ujaran berkaitan pengalaman buruk yang pernah dilalui seseorang. Malah, atas pengalaman tersebut menjadikan seseorang bertindak untuk melaksanakan kelahiran di rumah secara alami. Oleh yang demikian, perlunya kerjasama semua pihak untuk mengurangkan kadar risiko kematian ibu dan bayi semasa proses kelahiran dengan menggalakkan semua ibu mengandung melahirkan anak di fasiliti kesihatan bertauliah. Hal ini demikian kerana, di Malaysia terdapat hospital kerajaan dan swasta yang memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat tanpa mengira latar belakang. Khosenulhan Ab. Rahman dan Hasan Ahmad (2018)

menjelaskan perkhidmatan kesihatan merupakan antara perkhidmatan asas yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Khosenulhan Ab. Rahman dan Hasan Ahmad (2018) menambah lagi di Malaysia, penjagaan kesihatan dilaksanakan bersama-sama sektor awam dan swasta

6. REFERENCE

- Adelina Fitri, Asri Adisasmita dan Renti Mahkota. (2017). Pengaruh Jarak Kelahiran terhadap Kematian Bayi di Indonesia, Filipina, dan Kamboja (Analisis Data Survei Demografi Kesehatan). *Jurnal Epidemiologi Kesehatan Indonesia*. Vol.1(2), 45-52.
- Ana Paula Esteves-Pereira, Catherine Deneux-Tharoux, Marcos Nakamura-Pereira, Monica Saucedo, Marie-Helene Bouvier –Colle dan Maria do Carmo Leal (2016). Caesarean Delivery and Postpartum Maternal Mortality: A Population-Based Case Control Study in Brazil. *Journal PLOS ONE*. Vol.11(4),1-13.
- Ang Kean Hua. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol.1(2),17-24).
- Farzana Adnan dan Suziana Mad Saad. (2020). Analisis Wacana Kritis Bahasa dan Kuasa: Kepimpinan dan Permuafakatan. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol.4(3), 1-18. <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/02/312049/alasan-guna-khidmat-doula> (Diakses pada 20hb Disember 2023).
- Idris Aman, Norsimah Mat Awal dan Mohammad Fadzeli Jaafar. (2014). Strategi Wacana Teks Akademik Sains dan Teknologi. *Journal of Language Studies GEMA*. Vol.14(1), 189-202.
- Janice M. Anderson dan Duncan Etches. (2007). Prevention and Management of Postpartum Hemorrhage. *American Academy of Family Physicians*. Vol.75(6), 875-82.
- Khosenulhan, Ab. Rahman and Hasan, Ahmad. (2018). *Kualiti Perkhidmatan Kesihatan di Hospital: Analisis dari Perspektif Syariah*. In: Proceedings Book: National Conference for Postgraduate Research (NCON-PGR 2018), 28-29 August 2018, Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Pahang. 365-372.
- Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai Cerminan Kebitaraan Perunggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*. Vol.15(2), 145-159.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat dan Nor Shahila Mansor. (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan, Universti Teknologi Malaysia*. Vol.25(1), 12-22.
- Nur Amani Natasha Ahmad Tajuddin, Julia Suhaimi, Siti Nurkamilla Ramdzan, Khasnur Abd Malek, Ilham Ameera Ismail, Nurainul Hana Shamsuddin, Ahmad Ihsan Abu Bakar dan Sajaratulnisah Othman. (2020). Why Women Chose Unassisted Home Birth in Malaysia: A Qualitative Study. *BMC Pregnancy and Childbirth*. Vol.20(309), 1-12.
- Nurerna Aida Abdul Rahman dan Hasmidar Hassan. (2019). Analisis Laporan Akhbar Isu

- IMDB dari Sudut Pragmatik. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan 2019. 101-109.
- Nurfarhana Shahira Rosly, Normaliza Abdul Rahim dan Hazlina Abdul Halim. (2016). Interaksi Ujaran Kanak-kanak Menerusi Elemen Pendigitalan dalam Penceritaan. *Journal of Language Studies GEMA Online*. Vol. 16(1), 89-108.
- Nur Kamilah Kamaruddin, Mohd Anuar Ramli dan Raihana Abdul Wahab. (2018). Polemik Amalan *Lotus Birth* dari Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Fiqh*. Vol.15, 1-40.
- Nur Kamilah Kamaruddin, Nor Hanisah Mohd Noor dan Mohd Anuar Ramli. (2017). Amalan Lotus Birth Menurut Perspektif Hukum Islam. The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC 2017) Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. 1-19.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof. (2020). Praandaian dalam Ucapan Perbahasan Parlimen Mahasiswa Sesi Pertama di Malaysia. *Jurnal Melayu*. Vol.19(2), 270-286.
- Minoo Rajaei, Samieh Karimi, Zohreh Shahboodaghi, Hamidreza Mahboobi, Tahereh Khorgoei dan Farzam Rajaei. (2014). Clinical Study Safety and Efficacy of Misoprostol versus Oxytocin for the Prevention of Postpartum Hemorrhage. *Journal of Pregnancy*. Vol.2014, 1-4.
- Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd. Sabree Nasri, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal dan Muhammad Najib Abdul Wakil. (2020). Isu LGBT di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian. INSLA e-Proceeding. Vol.(1)459-470.
- Pebrina Manurunga dan Helda. (2020). Hubungan Riwayat Komplikasi Saat Hamil dengan Kejadian Berat Badan Lahir Rendah (BBLR) di Indonesia. *Jurnal Epidemiologi Kesehatan Indonesia*. Vol.4(2), 51-56.
- Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid. (2015). Strategi Wacana Komunikasi Teks Tengku Razaleigh Hamzah: Satu Analisis Kebahasaan. *Jurnal Komunikasi*. Vol.31(1), 205-220.
- Siti Noridayu Abd.Nasir dan Hazlina Abdul Halim. (2022). Ujaran Lisan oleh Wanita Kelantan dalam Perniagaan Tekstil di Pasar Besar Siti Khadijah. *Jurnal Kesisang*. Vol.7, 22-33.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan dan Lee Kuok Tiung. (2015). Hubungan Pembaca dan Berita dalam Akhbar Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Vol.17(2), 86-100.
- Wahyu Aprilia. (2020). Perkembangan Pada Masa Pranatal dan Kelahiran. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*. Vol.4(I), 1-17.